



**INOVASI IMBUHAN MEN...I DAN MEN...KAN MURID SJKT DALAM
PEMBELAJARAN ABAD KE-21**

Oleh

AMIRRA SHAZREENA BINTI AMINUL RAZIN

**Tesis ini Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, sebagai Memenuhi Keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

Disember 2023

FBMK 2023 14

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI

Segala puji bagi Allah
yang maha pengasih
lagi Maha penyayang...

Ya Allah...Ya tuhan ku
Aku bersyukur kepada Mu
Berkat rahmat Mu
Memberiku kekuatan
Mengharungi pahit maung
dalam mengejar erti sebuah kejayaan

Untukmu suamiku
Ahmad Shahinaz bin Abdul Aziz
Aku bersyukur dipertemukan suami sebaikmu
Sentiasa menyokongku tanpa jemu
Semoga Allah memberkati hubungan kita hingga syurga
Kepayahan mengharungi cabaran akan memberikan kebahagiaan kelak

Untukmu mama dan abah tercinta
Aminul Razin Abdul Aziz dan Zaramah Saari
sumber inspirasiku, Menjadi pendorong buatku mengenal erti hidup
Aku sentiasa doakan agar dimudahkan rezeki selalu
Masih tersemat dalam kotak fikirku
Pesanmu Jadilah orang yang dihormati walau di mana sahaja

Untukmu anakku
Muhammad Umarr bin Ahmad Shahinaz
Tanpamu hidup ini kosong
Kehadiranmu membuat jiwa ini terhibur
Kita sama-sama merakam suka dan duka
Dalam mengecapi sebuah kejayaan

Untukmu pensyarah yang dikasihi
Profesor Dr. Vijayaletchumy Subramaniam
Engkau ibarat matahari yang menerangi bumi
dan juga menerangi hati anak-anak didikmu
yang tidak pernah lelah memberi tunjuk ajar
Mengajar dan mendidik tanpa jemu
Moga tuhan sentiasa memberkatimu dan keluarga selalu

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

INOVASI IMBUHAN MEN...I DAN MEN...KAN MURID SJKT DALAM PEMBELAJARAN ABAD KE-21

Oleh

AMIRRA SHAZREENA BINTI AMINUL RAZIN

Disember 2023

Pengerusi : Profesor Dr. Vijayaletchumy Subramaniam, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Penyelidikan ini dijalankan adalah untuk mengkaji tahap penguasaan imbuhan apitan meN...i dan imbuhan apitan meN...kan dalam kalangan murid SJKT. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti jenis kesilapan imbuhan murid dalam imbuhan apitan meN...i dan imbuhan apitan meN...kan, membina permainan inovasi pembelajaran imbuhan abad ke-21 dan menguji keberkesanan permainan inovasi imbuhan yang didirikan. Kajian ini bersandarkan Teori Analisis kesilapan Corder (1973), Teori Motivasi Robert C. Gardner (2005), Pendekatan Penyelidikan Rekabentuk Pembangunan (DDR) Richey dan Klien (2007) dan Model QAIT Slavin (1994). Penyelidikan ini menggunakan kaedah pemerhatian, soal selidik, temu bual dan pengujian. Sampel kajian dipilih secara rawak yang melibatkan 109 orang murid tahun 6 daripada SJKT Ladang Highlands Selangor. Data mentah kajian dianalisis secara kualitatif dan kuantitatif menggunakan SPSS versi 25.0. Dapatan kajian objektif 1 dalam kesilapan imbuhan apitan meN...i yang paling tinggi ialah kesilapan pemilihan unsur yang tidak tepat iaitu sebanyak 64.8%, manakala dalam imbuhan apitan meN...kan sebanyak 47.9% iaitu kesilapan pengguguran unsur yang yang perlu. Selain itu, dapatan yang ditunjukkan dalam objektif 2, analisis keperluan dalam faktor motivasi murid mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam motivasi intrinsik murid ialah mereka gemar belajar bahasa Melayu dalam kumpulan dengan nilai peratusan 92.7% murid sangat setuju, manakala motivasi ekstrinsik pula menunjukkan murid berasa semangat jika guru memberikan ganjaran atau hadiah kepada mereka dengan nilai peratusan sebanyak 94.5% sangat setuju. Analisis keperluan dalam persepsi guru dalam permainan Inovasi Imbuhan menunjukkan persepsi yang positif sebanyak 93.3% sangat setuju dan 6.7% setuju. Fasa reka bentuk dan pembangunan melalui Kaedah *Fuzzy Deplhi* Permainan Inovasi Imbuhan telah diterima dan mendapat konsesus pakar sepenuhnya dalam item dan konstruk yang telah ditetapkan dengan nilai threshold *d* yang kurang daripada 0.2, peratus persetujuan pakar melebihi 75% manakala *deffuzication* (alpha-cut) telah melebihi 0.5. Fasa penilaian melalui maklum balas murid menunjukkan maklum balas yang positif dalam permainan Inovasi Imbuhan yang dijalankan dengan peratusan melebihi 50%. Fasa penilaian dalam temu bual guru juga mendapat maklum balas yang positif daripada guru-guru dan mereka menyokong permainan Inovasi

Imbuhan diteruskan kerana dapat menarik minat murid dalam mempelajari bahasa Melayu. Objektif 3 dalam kajian ini juga menunjukkan terdapat perubahan yang signifikan dalam min dan sisihan piawaian setelah permainan inovasi imbuhan dijalankan dalam ujian pasca imbuhan apitan meN...i dan meN...kan. Cadangan dan saranan kepada KPM dan guru-guru untuk meningkatkan penguasaan imbuhan apitan murid dalam bahasa Melayu juga disisipkan dalam kajian ini.

Kata kunci: murid; SJKT; pembelajaran; pengajaran; imbuhan apitan; inovasi

SDG: *GOAL 4: Quality Education*



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree Doctor of Philosophy

21ST CENTURY LEARNING AMONG SJKT STUDENTS IS AIDED BY INNOVATION AFFIXES

By

AMIRRA SHAZREENA BINTI AMINUL RAZIN

December 2023

Chairman : Professor Dr. Vijayaletchumy Subramaniam, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication

This research was conducted to examine the level of affixes meN...i and meN...kan among SJK students. The objective of this study was to identify the types of affixes errors, build a 21st century affixes innovation and test the effectiveness of the affixes innovation game. This study builds on Corder's (1973) theory of error analysis, Robert C. Gardner (2005) theory of motivation. The Design-Development Research (DDR) approach of Richey and Klien (2007) and Slavin's QAIT Model (1994). This research uses observation, questionnaires, interviews and testing methods. The study sample was randomly selected involving 109 year 6 students from SJKT Ladang Highlands Selangor. The Data of the study were analyzed qualitatively and quantitatively using SPSS version 25.0. The findings of the objective 1 in affixes error, the highest error is inaccurate element selection which is 64.8% and 47.9% is a necessary error. In addition, the findings shown in objective 2, analysis of the needs the motivation factor of students in learning Malay as a second language in the intrinsic motivation of students is they like to learn Malay in groups with a percentage value of 92.7% of students strongly agree, while extrinsic motivation shows students feel enthusiastic if the teacher gives a reward or gift to them with a percentage value of 94.5% strongly agree. Analysis of the need in teachers' perceptions of teachers in the Innovation showed a positive perception of 93.3% strongly agree and 6.7% agree. The design and development phase through Fuzzy Deplhi Method in Innovation was received full expert consensus in the items and constructs that have been set with a threshold value of d which is less than 0.2, expert approval percentage exceeds 75% while defuzzication (alpha-cut) has exceeded 0.5. The evaluation phase through student feedback showed positive feedback in the innovation game carried out with a percentage of more than 50%. The evaluation phase in the teacher interview also received the positive feedback and they support innovation game because it can attract students to learn Malay language. The study also showed there were significant changes in Mean and standard deviation after the innovation game was conducted in the post-test. Suggestions and recommendations to the MOE and teachers to improve the mastery of affixes in the Malay language also included in this study.

Key words: Malay language; National Type Tamil Primary School (SJKT); teaching, learning, affixes; innovation

SDG: GOAL 4: Quality Education



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji dan syukur saya panjatkan hanya kepada Allah S.W.T dan selawat serta salam kepada junjungan besar, Nabi Muhammad S.A.W. bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin Nya memberikan kekuatan, kesabaran dan kesihatan yang baik dalam memnyempurnakan tesis ini bagi memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah Bahasa Melayu.

Tesis ini tidak dapat dihasilkan dengan sempurna tanpa bantuan dan sokongan daripada pelbagai pihak. Dalam ruangan yang terbatas ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada penyelia tesis saya Profesor Dr. Vijayaletchumy Subramaniam selaku ‘guru’ yang telah banyak memberikan bimbingan dan tunjuk ajar sehinggalah tesis ini dapat disempurnakan. Saya juga berterima kasih atas kesabaran dan kesungguhan beliau semasa membimbing saya dan rakan-rakan. Sesungguhnya dorongan dan panduan yang beliau berikan amatlah berguna dan berharga kepada saya.

Terima kasih juga kepada keluarga dan rakan-rakan seperjuangan yang sudi memberikan bantuan, pandangan dan dorongan. Akhir sekali, jutaan terima kasih kepada guru besar dan guru-guru SJKT Ladang Highlands kerana memberikan kerjasama yang amat baik sepanjang penyelidikan dijalankan. Semoga Allah memberikan rahmat dan membalas budi baik kalian. Sesungguhnya yang baik itu datangnya daripada Allah S.W.T dan segala kekurangan datangnya daripada kelemahan diri saya sendiri.

Wassalam.

Sekian, terima kasih.

Berilmu Berbakti

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah. Ahli-ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Vijayaletchumy a/p Subramaniam, PhD

Profesor
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Nik Rafidah binti Mohd Affendi, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Nor Azuwan Yaakob, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD

Professor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 18 April 2024

ISI KANDUNGAN

ABSTRAK	Halaman
<i>ABSTRACT</i>	i
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	v
PERAKUAN	vi
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xvii
SENARAI LAMPIRAN	xx
	xxi

BAB

1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Latar Belakang Kajian	1
	1.1.1 Pembelajaran Abad ke-21	3
	1.1.2 Persediaan dalam Pembelajaran Abad ke-21	3
	1.1.3 Program Transformasi Sekolah (TS25)	4
	1.1.4 Objektif Bahasa Melayu Diajarkan di Sekolah Rendah	5
	1.1.5 Cabaran Baharu Murid SJKT	6
	1.1.6 Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP)	6
	1.1.7 Kurikulum Standard Sekolah Rendah	6
	1.1.8 Peruntukan Waktu KSSR Subjek Bahasa Melayu	7
	1.1.9 Pentaksiran Berasaskan Sekolah dan Pentaksiran Bilik Darjah	7
	1.1.10 Definisi Motivasi	8
	1.1.11 Definisi Imbuhan Apitan	8
	1.1.12 Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di Malaysia	9
	1.2 Pernyataan Masalah	11
	1.3 Objektif Kajian	13
	1.4 Persoalan Kajian	14
	1.5 Kepentingan Kajian	14
	1.5.1 Kementerian Pendidikan Malaysia	14
	1.5.2 Guru Bahasa Melayu	14
	1.5.3 Komuniti	15
	1.6 Batasan Kajian	15
	1.6.1 Batasan Kajian Objektif 1	15
	1.6.2 Batasan Kajian Objektif 2	15
	1.6.3 Batasan Kajian Objektif 3	16
	1.7 Definisi Operasional	16
	1.7.1 Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21)	16
	1.7.2 Penguasaan Imbuhan	17

1.7.3	Motivasi	17
2	SOROTAN KAJIAN	19
2.1	Kajian Pembelajaran Abad ke-21	19
2.2	Kajian Motivasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran	21
2.3	Kajian Penguasaan Imbuhan	23
2.4	Kajian Inovasi dalam Pembelajaran	24
2.5	Kajian Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua	26
2.6	Kajian Kesalahan Tatabahasa	28
2.7	Kajian Penggunaan Kaedah <i>Fuzzy Delphi</i>	29
2.8	Perkaitan Sorotan dengan Kajian Pengkaji	30
2.8.1	Kajian Inovasi dalam Pembelajaran	30
2.8.2	Kajian Pembelajaran Abad ke-21	30
2.8.3	Kajian Penggunaan Kaedah <i>Fuzzy Delphi</i>	31
3	METODOLOGI KAJIAN	32
3.1	Reka Bentuk Kajian	32
3.2	Teori dan Pendekatan Kajian	32
3.3	Kaedah Kajian	39
3.3.1	Kaedah Pemerhatian	39
3.3.2	Kaedah Temu Bual	39
3.3.3	Kaedah Soal Selidik	39
3.4	Lokasi Kajian	40
3.5	Pemilihan Lokasi Kajian	41
3.6	Populasi dan Persampelan Kajian	41
3.7	Responden Kajian	42
3.8	Alat Kajian	42
3.8.1	Ujian Penilaian Kemahiran Imbuhan	42
3.8.2	Borang Soal Selidik	42
3.9	Kesahan dan Kebolehpercayaan Alat Kajian	43
3.10	Triangulasi Data	43
3.11	Tatacara Kajian	44
3.11.1	Fasa 1: Kajian Rintis	44
3.11.2	Fasa 2: Kajian Sebenar	47
3.12	Penganalisan Data	47
3.12.1	Objektif I: Mengenal Pasti Kesilapan Imbuhan Apitan meN...i dan meN...kan yang Dilakukan dalam Kalangan Murid SJK(T).	47
3.12.2	Objektif II: Membina Inovasi Imbuhan untuk Memudahkan Pemahaman Imbuhan Apitan meN...i dan meN...kan dalam Kalangan Murid SJK(T).	47
3.12.3	Objektif III: Menguji Keberkesanan Inovasi dalam Pemantapan Imbuhan Apitan meN...idan meN...kan dalam Kalangan Murid SJK(T).	48

4	DAPATAN DAN PERBINCANGAN	49
4.1	Pengenalpastian Imbuhan Apitan meN...i dan meN...kan yang Dilakukan oleh Murid SJK(T)	49
4.2	Analisis Kesilapan Imbuhan Apitan meN...i	50
4.3	Analisis Kesilapan Imbuhan Apitan meN...kan	54
4.4	Pembinaan Inovasi untuk Pemahaman Imbuhan Apitan meN...i dan meN...kan Murid SJK (T)	59
4.5	Fasa 1: Analisis Keperluan	59
4.6	Analisis Keperluan (Motivasi)	60
4.7	Analisis Pendekatan Motivasi Intrinsik Mengikut Jumlah Murid	61
4.8	Analisis Pendekatan Motivasi Ekstrinsik Mengikut Jumlah Murid	63
4.9	Analisis Keperluan (Persepsi Guru)	65
4.9.1	Persepsi Guru Tentang Permainan Inovasi Imbuhan Ria	66
4.10	Fasa 2 : Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan Menggunakan Kaedah <i>Fuzzy Delphi</i>	68
4.10.1	Metodologi dalam Proses Penganalisaan Data Menggunakan Kaedah <i>Fuzzy Delphi</i>	68
4.10.2	Interpretasi Data Kaedah <i>Fuzzy Delphi</i>	70
4.10.3	Syarat 1: Menggunakan Nilai Threshold, d	70
4.10.4	Syarat 2: Berdasarkan Kaedah Delphi Tradisional	71
4.10.5	Syarat 3: Berdasarkan α -cut Tang dan Wu (2010)	72
4.10.6	Pakar Rujuk	74
4.10.7	Dapatan Kandungan Permainan Inovasi Imbuhan Berdasarkan Kaedah Fuzzy Delphi	75
4.11	Fasa 3: Fasa Penilaian	90
4.11.1	Maklum Balas Murid	90
4.11.2	Temu Bual Guru	93
4.11.3	Tema 1: Adakah Permainan Inovasi Imbuhan dapat Memudahkan Murid Mempelajari Bahasa Melayu dan Topik Imbuhan Apitan meN...i dan meN...kan?	93
4.11.4	Tema 2: Adakah Permainan Inovasi Imbuhan Menerapkan Pembelajaran Abad ke-21?	93
4.11.5	Tema 3: Adakah Permainan Inovasi Imbuhan Ini Dapat Dipasarkan ke Pasaran Luar?	94
4.12	Pengujian Keberkesanan Permainan Inovasi Imbuhan dalam Pemantapan Imbuhan Apitan meN...i dan meN...kan	96
4.13	Analisis Peratusan Jawapan Pra dan Pascaujian Imbuhan Apitan meN...i.	97
4.14	Analisis Peratusan Jawapan Pra dan Pascaujian Imbuhan Apitan meN...kan.	102
4.15	Analisis Statistik Deskriptif SPSS Ujian Pra dan Ujian Pascaimbuhan Apitan meN...i	109
4.16	Analisis Statistik Deskriptif SPSS Ujian Pra dan Ujian	

	Pascaimbuhan Apitan meN...kan	109
4.17	Rumusan	110
4.18	Rasional Teori dengan Dapatan Kajian	110
4.19	Implikasi Dapatan Kajian	111
5	KESIMPULAN DAN CADANGAN	113
5.1	Kesimpulan	113
5.2	Cadangan	114
5.3	Cadangan Penyelidik Selanjutnya	115
5.4	Penghargaan	115
	BIBLIOGRAFI	116
	LAMPIRAN	129
	BIODATA PELAJAR	140
	SENARAI PENERBITAN	141

SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
1.1 Bilangan Murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Setiap Negeri di Malaysia 2019	10
1.2 Bilangan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan Murid Mengikut Daerah di Selangor	10
3.1 Populasi dan Persampelan Kajian	42
4.1 Contoh Kesilapan Imbuhan Apitan meN...i	50
4.2 Contoh Kesilapan Imbuhan Apitan meN...i	50
4.3 Contoh Kesilapan Imbuhan Apitan meN...i	50
4.4 Contoh Kesilapan Imbuhan Apitan meN...i	51
4.5 Contoh Kesilapan Imbuhan Apitan meN...i	51
4.6 Contoh Kesilapan Imbuhan Apitan meN...i	52
4.7 Contoh Kesilapan Imbuhan Apitan meN...i	52
4.8 Contoh Kesilapan Imbuhan Apitan meN...i	52
4.9 Contoh Kesilapan Imbuhan Apitan meN...i	53
4.10 Contoh Kesilapan Imbuhan Apitan meN...i	53
4.11 Kesilapan Imbuhan Apitan meN...i	54
4.12 Contoh Kesilapan Imbuhan Apitan meN...kan	54
4.13 Contoh Kesilapan Imbuhan Apitan meN...kan	54
4.14 Contoh Kesilapan Imbuhan Apitan meN...kan	55
4.15 Contoh Kesilapan Imbuhan Apitan meN...kan	55
4.16 Contoh Kesilapan Imbuhan Apitan meN...kan	56
4.17 Contoh Kesilapan Imbuhan Apitan meN...kan	56
4.18 Contoh Kesilapan Imbuhan Apitan meN...kan	56
4.19 Contoh Kesilapan Imbuhan Apitan meN...kan	57
4.20 Contoh Kesilapan Imbuhan Apitan meN...kan	57
4.21 Contoh Kesilapan Imbuhan Apitan meN...kan	58

4.22	Jenis Kesilapan Imbuhan Apitan meN...kan	58
4.23	Analisis Pendekatan Motivasi Intrinsik Mengikut Jumlah Murid	61
4.24	Analisis Pendekatan Motivasi Ekstrinsik Mengikut Jumlah Murid	63
4.25	Persepsi Guru Tentang Permainan Inovasi Imbuhan Ria	66
4.26	Persepsi Guru terhadap Permainan Inovasi Imbuhan	66
4.27	Contoh Pentafsiran Skala <i>Fuzzy</i> Skala Likert 7	69
4.28	Contoh Pentafsiran Skala <i>Fuzzy</i> Skala Likert 1	69
4.29	Interpretasi Data Berdasarkan Nilai <i>threshold</i> , d	71
4.30	Interpretasi Data Syarat 3	73
4.31	Syarat Triangular <i>Fuzzy Numbers</i> dan <i>Defuzzification</i>	74
4.32	Maklumat Demografi Pakar	74
4.33	Kandungan Permainan Inovasi Imbuhan	76
4.34	Lampiran Kandungan Permainan Inovasi Imbuhan	77
4.35	Hasil Pembelajaran Abad ke-21 Permainan Inovasi Imbuhan	78
4.36	Lampiran Hasil Pembelajaran Abad ke-21 Permainan Inovasi Imbuhan	79
4.37	Reka bentuk Permainan Inovasi Imbuhan	80
4.38	Lampiran Reka Bentuk Permainan Inovasi Imbuhan	81
4.39	Penerapan Pembelajaran Abad ke-21 dalam Permainan Inovasi Imbuhan	83
4.40	Lampiran Penerapan Pembelajaran Abad ke-21 dalam Permainan Inovasi Imbuhan	84
4.41	Cadangan Panel Pakar dalam Reka bentuk Permainan Inovasi Imbuhan	85
4.42	Maklum Balas Murid dalam Permainan Inovasi Imbuhan Ria	90
4.43	Maklum balas Murid terhadap Permainan Inovasi Imbuhan Ria	91
4.44	Perbandingan Keputusan Ujian Pra dan Pascaimbuhan Apitan meN...i	107
4.45	Perbandingan Keputusan Ujian Pra dan Pascaimbuhan Apitan meN...kan	108

4.46	Analisis Statistitik Deskriptif SPSS Ujian Pra dan Ujian Pascaimbuhan Apitan meN...i	109
4.47	Analisis Statistitik Deskriptif SPSS Pra Ujian Imbuhan Apitan meN...kan	109



SENARAI RAJAH

Rajah	Halaman
1.1 Aspirasi Pelajar dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan	1
1.2 Konsep Transformasi Sekolah (TS25)	4
1.3 Konsep Kemenjadian Murid	5
1.4 Mata Pelajaran dan Peruntukan Masa Tahap 2 KSSR	7
1.5 Hierarki Keperluan Motivasi Menurut Maslow	8
1.6 Bentuk Imbuhan meN...kan	9
1.7 Bentuk Imbuhan meN...i	9
1.8 Keputusan UPSR Kertas Pemahaman Bahasa Melayu 2019	11
1.9 Keputusan UPSR Kertas Penulisan Bahasa Melayu 2019	12
3.1 Konsep dan Teori Analisis Kesilapan Corder (1973)	33
3.2 Teori Motivasi Robert C. Gardner (2005)	33
3.3 Kerangka Konseptual Berasaskan Pendekatan DDR	34
3.4 Konsep Umum Metodologi DDR	35
3.5 Proses Pelaksanaan Kaedah <i>Fuzzy Delphi</i>	36
3.6 Proses DDR yang Telah Diubah Suai	36
3.7 Model QAIT Slavin (1994)	37
3.8 Kerangka Kajian	38
3.9 Lokasi Kajian Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang Highlands	40
3.10 Peta Lokasi Kajian Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang Highlands	40
3.11 Anugerah Dimenangi SJK(T) Ladang Highlands	41
3.12 Tiga Jenis Triangulasi Menurut Mheen et al. (2006)	43
3.13 Empat Kategori Triangulasi Menurut Denzin (1978)	44
3.14 Tiga Jenis Triangulasi Menurut Chua (2006)	44
3.15 Soalan Kajian Rintis Menggunakan <i>Google Form</i>	45

3.16	Keputusan Kajian Rintis	46
3.17	Rajah Penambahbaikan Kajian	46
4.1	Kaedah Penyelidikan Reka bentuk dan Pembangunan (DDR) dalam Pembinaan Permainan Inovasi	59
4.2	Graf Segi tiga Melawan Nilai Triangular	68
4.3	Rumus Mengira Nilai <i>threshold</i> .	70
4.4	Peratusan Kesepakatan Pakar Menurut Chu dan Hwang (2008) ; Murry dan Hammons (1995)	71
4.5	Peratus Kesepakatan Pakar Menurut Shubashini et al. (2015)	71
4.6	Proses Pengiraan Nilai Peratusan Berdasarkan Sarjana	72
4.7	Kedudukan Nilai α -cut dalam Pernomboran <i>Fuzzy</i>	72
4.8	Skala Aras Kesesuaian	73
4.9	Panduan Permainan dan Alat Permainan Imbuhan Ria (IR)	95
4.10	Elemen Pembelajaran abad ke-21 permainan Inovasi Imbuhan Ria (IR)	95
4.11	Murid sedang bermain Inovasi Imbuhan Ria dan menerangkan Fungsi Imbuhan Apitan meN...i dan meN...kan Menggunakan Kaedah Akrostik	96
4.12	Contoh Kesilapan Imbuhan Apitan meN...i	97
4.13	Contoh Kesilapan Imbuhan Apitan meN...i	97
4.14	Contoh kesilapan imbuhan Apitan meN...i	98
4.15	Contoh Kesilapan Imbuhan Apitan meN...i	98
4.16	Contoh Kesilapan Imbuhan Apitan meN...i	99
4.17	Contoh Kesilapan Imbuhan Apitan meN...i	99
4.18	Contoh Kesilapan Imbuhan Apitan meN...i	100
4.19	Contoh Kesilapan Imbuhan Apitan meN...i	100
4.20	Contoh Kesilapan Imbuhan Apitan meN...i	101
4.21	Contoh Kesilapan Imbuhan Apitan meN...i	101
4.22	Contoh Kesilapan Imbuhan Apitan meN...kan	102
4.23	Contoh Kesilapan Imbuhan Apitan meN...kan	102

4.24	Contoh Kesilapan Imbuhan Apitan meN...kan	103
4.25	Contoh Kesilapan Imbuhan Apitan meN...kan	103
4.26	Contoh Kesilapan Imbuhan Apitan meN...kan	104
4.27	Contoh Kesilapan Imbuhan Apitan meN...kan	104
4.28	Contoh Kesilapan Imbuhan Apitan meN...kan	105
4.29	Contoh Kesilapan Imbuhan Apitan meN...kan	105
4.30	Contoh Kesilapan Imbuhan Apitan meN...kan	106
4.31	Contoh Kesilapan Imbuhan Apitan meN...kan	106



SENARAI SINGKATAN

BM	Bahasa Melayu
PAK21	Pembelajaran abad ke-21
TS25	Transformasi Pendidikan 2025
B2	Bahasa Kedua
SJK	Sekolah Jenis Kebangsaan
SJKT	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
SK	Sekolah kebangsaan
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
BPK	Bahagian Perkembangan Kurikulum
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
PdPc	Pengajaran dan Pemudahcara
DDR	Pendekatan Penyelidikan Reka bentuk dan Pembangunan

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran	Halaman
A Surat Kebenaran Menjalankan Kajian	129
B Soalan Pra dan Pascaujian	131
C Borang Soal Selidik Murid (Motivasi)	133
D Borang Soal Selidik Guru (Persepsi)	134
E Borang Soal Selidik (Kesepakatan Pakar)	135
F Borang Soal Selidik Murid (Maklum Balas)	139

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Penyelarasan Matlamat Pembangunan Pendidikan Negara (2013-2025) menetapkan enam matlamat untuk pelajar. Pengajaran terkini amat sesuai untuk memupuk generasi baharu yang berkemahiran dan berkebolehan dalam era globalisasi ini.



Rajah 1.1 : Aspirasi Pelajar dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Aspirasi pengetahuan ialah langkah paling asas dalam pembangunan pendidikan. Oleh itu, pentingnya penguasaan kemahiran literasi, numerasi, mata pelajaran asas seperti matematik dan sains, serta pengembangan pengetahuan dalam bidang lain dalam kalangan murid. Aspirasi pengetahuan juga daya pendorong yang kuat untuk membangunkan individu berpengetahuan dalam dunia kini, di samping membantu masyarakat dan negara untuk bersaing dalam ekonomi global yang semakin kompleks.

Keupayaan untuk berfikir ialah aspirasi kedua. Keupayaan untuk berfikir amat penting dalam pembangunan individu yang cemerlang dan kompeten. Keupayaan ini bukan dalam bidang pendidikan sahaja tetapi dalam kehidupan seharian. Kerjaya keupayaan membuat keputusan yang bijak. Oleh itu, sistem pendidikan menggalakkan kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis untuk membentuk individu yang berdaya saing dan berupaya menangani cabaran semasa.

Hasrat ketiga ialah kemahiran kepimpinan, iaitu satu kemahiran yang sangat penting dalam dunia hari ini kerana memerlukan keupayaan untuk melaksanakan kepimpinan yang berkesan dan bekerja di bawah pengawasan orang lain. Dalam sistem pendidikan negara, setiap pelajar akan dibantu untuk mengembangkan potensi sepenuhnya, mewujudkan peluang pekerjaan formal atau tidak formal, bekerja dalam pasukan dan mengamalkan kemahiran kepimpinan. Empat konteks yang digunakan dalam sistem pendidikan ialah daya tahan, keusahawanan, kecerdasan emosi dan daya tahan.

Hasrat keempat ialah dwibahasa. Bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan negara dan bahasa yang menyatukan rakyat Malaysia yang wajib dikuasai oleh pelajar Malaysia. Selain itu, bahasa Inggeris sebagai bahasa komunikasi antarabangsa pula memerlukan pelajar untuk menguasainya sekurang-kurangnya pada tahap minimum. Selepas tamat pengajian, melalui tahap penguasaan bahasa, pelajar boleh menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris di tempat kerja. Tambahan pula, Kementerian Pendidikan Malaysia juga menggalakkan pelajar untuk meningkatkan pengetahuan mereka dengan mempelajari bahasa asing.

Hasrat yang kelima pula ialah akhlak dan kerohanian. Akhlak dan keharmonian perlu dipupuk dalam diri pelajar melalui sistem pendidikan untuk menghadapi cabaran yang bakal dihadapi dalam kehidupan dewasa, membolehkan mereka menyelesaikan masalah secara rasional, berpegang teguh kepada prinsip dalam situasi kritikal, berani dalam melakukan perkara yang betul dan membuat pertimbangan yang bijak. Sistem pendidikan juga bertujuan melahirkan individu yang penyayang serta menyumbang kepada kesejahteraan negara dan masyarakat.

Hasrat keenam ialah identiti nasional. Hasrat ini amat penting untuk mengukuhkan kejayaan masa hadapan melalui pengiktirafan terhadap prinsip negara yang diperlukan untuk kejayaan dan masa hadapan Malaysia. Tidak kira agama, bangsa atau status sosioekonomi, setiap pelajar perlu berbangga menjadi rakyat Malaysia. Setiap pelajar juga hendaklah memupuk semangat patriotik, memahami sejarah negara dan mempunyai hasrat yang sama. Pembentukan identiti nasional yang sebenar memerlukan semangat toleransi yang kuat. Identiti kebangsaan akan dicapai dengan menghargai kepelbagaian dan bukannya sekadar belajar memahami dan menerimanya sahaja.

Menurut Ainun et.al (2017), keberhasilan dalam proses pembelajaran dalam bilik darjah merupakan pencapaian yang diukur. Di samping itu, menurut Mashira et al. (2019), pengajaran dan pembelajaran sangat penting dalam melahirkan murid yang dinamik. Oleh itu, PdPc dalam kelas merupakan satu platform untuk melaksanakan dasar PAK21 dengan menggunakan pelbagai kaedah untuk menjadikan sistem pendidikan persis negara maju (Mahamod, 2011).

Pada era abad ke-21, dunia menjadi lebih mencabar dan menuntut lebih ramai lagi golongan intelektual, inovatif dan produktif dalam menghadapi perubahan dunia dan ekonomi global. Kementerian Pendidikan Malaysia telah melancarkan Pembelajaran Abad 21 (PAK21) untuk mempersiapkan generasi muda menghadapi abad ke-21 yang penuh dengan cabaran. Pembelajaran abad ke-21 (PAK21) telah mengubah sistem

pendidikan Malaysia terutama dalam kalangan guru dan murid dalam proses berfikir dengan lebih kreatif dan melahirkan nilai-nilai kemanusiaan yang lebih tinggi. Pembelajaran Abad 21 (PAK21) menerampikan tiga asas dan pegangan utama, iaitu kemahiran dalam hidup dan kerjaya, kemahiran pembelajaran yang inovatif serta kemahiran media dan teknologi terkini.

1.1.1 Pembelajaran Abad ke-21

PAK21 memerlukan banyak kolaborasi antara guru dengan murid. Selama bertahun-tahun, beberapa kajian telah dilakukan untuk menentukan perubahan yang sesuai yang dapat dilakukan terhadap sistem pendidikan sebagai persediaan guru dan murid untuk meningkatkan kemahiran belajar abad ke-21 ini. Pendidikan dalam pembelajaran Abad ke-21 lebih memfokuskan pembelajarankemahiran daripada kandungan kemudahan ICT (Noor Lela et al., 2019). Oleh itu, PAK21 memerlukan kesederhanaan guru dalam mengembangkan persekitaran pembelajaran yang mudah dan dapat memupuk pembelajaran berkualiti tinggi. Seterusnya, variasi penyampaian pengajaran dan pembelajaran PAK21 berpegang kepada empat pegangan utama iaitu komunikasi, kolaborasi, pemikiran kritis dankreativiti. Potensi guru dalam mewujudkan kemahiran belajar yang berkesan seperti sumbang saran, lakon peranan, permainan dan pembelajaran berpusatkan murid yang lain akan mengembangkan kreativiti dalam kalangan murid. Di samping itu, persekitaran bilik darjah yang bermaklumat seperti persembahan bahan, susun atur meja dan kerusi, dan keperluan lain juga dapat memudahkan pelaksanaan PAK21. Namun, menurut Yusof (2019), persekitaran bilik darjah PAK21 tidak semestinya dilengkapi dengan teknologi maklumat, tetapi persekitaran bilik darjah PAK21 merupakan persekitaran pembelajaran yang dapat melahirkanpelajar yang berdisiplin dalam komunikasi, kemahiran berfikir dan kerja berpasukan. Di samping itu juga, guru perlu mempunyai pengetahuan dan pemahaman tentang penggunaan teknologi di dalam kelas seperti pengetahuan menggunakan internet dengan cara profesional, pemahaman penggunaan teknologi di bilik darjah yang berkesan, berpengetahuan dalam menggunakan teknologi bilik darjah, dapat mengenal pasti dan mengembangkan kemahiran teknologi dalam kalangan murid dan tanggungjawab dalam menjaga kerahsiaan data pelajar (Amran dan Rosli, 2017). Seterusnya, pembelajaran berterusan dan pengembangan profesional akan menjadikan guru sebagai agen perubahan dalam PAK21 (Liew, 2019). Oleh itu, PAK21 memerlukan persekitaran pembelajaran yang mengandungi perubahan pengajaran, dan kemahiran belajar yang bersesuaian dengan keperluan pelajar. Persekitaran pembelajaran ini perlu disokong olehkemampuan guru dalam menyampaikan isi pelajaran bukan hanya dengan komunikasi satu arah tetapi memerlukan pelbagai kemahiran dengan menggunakan atau tanpa menggunakan peralatan teknologi.

1.1.2 Persediaan dalam Pembelajaran Abad ke-21


Dalam usaha menjayakan PAK21, guru merupakan tonggak utama dalam PAK21 ini. Oleh hal yang demikian, pengetahuan pedagogi dalam kemahiran PAK21 dan penyampaian kandungan subjek secara interaktif memainkan peranan penting dalam melaksanakan PAK21. Menurut Goh dan Blake (2015), guru perlu bersedia dalam kemahiran pembelajaran abad ke-21 ini, sistem pendidikan perlu melakukan beberapa

perubahan seperti kurikulum yang berlandaskan konteks Malaysia, meningkatkan latihan dan praktis serta membangunkan penempatan latihan. Justeru, untuk melakukan perubahan dalam sistem pendidikan, penambahbaikan perlu dilakukan dalam ketiga-tiga konteks ini.

Menurut Sharifah (2015), sistem pendidikan melalui inovasi mengalami perubahan menyeluruh yang melibatkan sistem pendidikan, kualiti kepemimpinan sekolah, kualiti guru, pembangunan pelajar dan perubahan yang meningkatkan tadbir urus lebih berkesan. Setiap warga pendidik perlu melakukan anjakan yang drastik dalam meningkatkan kemahiran serta pengetahuan untuk menghadapi perubahan pendidikan pada abad ini. Penyeragaman kualiti pendidikan negara bergantung kepada penerokaan perubahan yang dikaitkan dengan penyebaran pengetahuan dan maklumat terkini. Perubahan dalam pendidikan amat penting kerana kejayaan kepada perubahan ekonomi bergantung kepada kejayaan rancangan pendidikan masa hadapan (Abdul Ghoni, 2018).


1.1.3 Program Transformasi Sekolah (TS25)

TS25 merupakan salah satu usaha KPM untuk mewujudkan sekolah yang berkualiti dalam meningkatkan pencapaian pelajar selaras dengan keperluan pendidikan semasa negara kita di samping mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan dengan kepemimpinan yang berkualiti dan berwawasan, guru yang bercita-cita tinggi dan berkebolehan serta komuniti yang bersatu padu. Selain itu, TS25 melaksanakan amalan terbaik dalam pengurusan dan kepemimpinan serta pelaksanaan pedagogi Pembelajaran dan Pengajaran selaras dengan aspirasi yang terkandung dalam Penyelarasan Matlamat Pembangunan Pendidikan Negara 2013 hingga 2025.



Rajah 1.2 : Konsep Transformasi Sekolah (TS25)

(Sumber: Portal Kementerian)



Rajah 1.3 : Konsep Kemenjadian Murid
(Sumber: Portal Kementerian Pendidikan Malaysia)

Objektif dalam program TS25 ini, untuk mengaplikasikan PdPc terbaik dengan membangunkan kepakaran dalaman dan membina satu persekitaran pembelajaran yang berkesan terutama dalam kemenjadian murid. Seterusnya, TS25 bermatlamat untuk memantapkan kepemimpinan sekolah, meningkatkan kualiti PdPc dan memaksimumkan potensi murid dan guru serta mengukuhkan pelibatan komuniti terutama ibu dan bapa demi kejayaan murid.

1.1.4 Objektif Bahasa Melayu Diajarkan di Sekolah Rendah

Menurut Abdul Aziz (2000), bahasa Melayu diajarkan di sekolah rendah untuk memupuk masyarakat yang bersatu. Hal ini kerana pengajaran bahasa Melayu ialah alat penting untuk menerapkan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia yang berasal daripada pelbagai etnik. Bahasa Melayu juga berfungsi sebagai bahasa komunikasi yang efektif tanpa mengira latar belakang sesuatu kaum. Selain itu, pengajaran bahasa Melayu dapat menjadikan sistem pendidikan yang holistik kerana bahasa Melayu tidak hanya diajarkan sebagai keterampilan berkomunikasi dan penulisan, tetapi sebagai mata pelajaran yang mencakup aspek kemahiran berkomunikasi, bacaan, pendengaran, dan penulisan. Hal ini membantu murid untuk mengembangkan kemampuan bahasa yang komprehensif. Seterusnya, pembelajaran bahasa Melayu daripada peringkat awal dapat membina landasan yang kuat untuk murid menguasai bahasa Melayu dengan baik termasuk topik pemahaman iaitu ejaan, tatabahasa, kosa kata, dan aspek-aspek asas bahasa Melayu sehingga ke sekolah menengah. Oleh itu, matlamat pendidikan negara dapat dicapai melalui pembelajaran awal dan melahirkan murid yang mempunyai keterampilan intelektual, sosial, dan emosi yang baik. Oleh itu, pengajaran bahasa Melayu pada peringkat awal atau sekolah rendah memiliki kesan yang besar dan bukan sekadar penguasaan bahasa.

1.1.5 Cabaran Baharu Murid SJKT

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil keputusan untuk memansuhkan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dan menggantikannya dengan Pendekatan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) iaitu satu langkah yang signifikan dalam usaha memperbaharui sistem pendidikan negara. Perubahan ini mencerminkan keperluan untuk melaksanakan pendekatan pentaksiran yang lebih holistik dan kontekstual, berbanding peperiksaan tradisional yang bersifat sumatif. Selain itu, beberapa aspek penting mengenai perubahan ini seperti membolehkan guru untuk menilai pencapaian murid berdasarkan pengalaman sebenar di dalam bilik darjah yang memungkinkan penilaian yang lebih tepat dan komprehensif mengenai kemahiran dan pengetahuan murid. Di samping itu, elemen baharu dalam sistem pendidikan ini ialah Pengesanan Literasi Bahasa Melayu (UPLBM) yang diperkenalkan kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dalam memastikan semua pelajar di Malaysia mempunyai kemahiran yang kukuh dalam Bahasa Melayu atau bahasa kebangsaan.

Seterusnya, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mewajibkan murid tahun enam di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) seluruh negara mencapai Tahap Penguasaan (TP) 4 hingga TP6 bagi mata pelajaran Bahasa Melayu sebagai tiket masuk ke tingkatan satu sekolah menengah. Murid yang mendapat Tahap Penguasaan (TP) 1 hingga TP3 perlu menduduki Ujian Pengesanan Literasi Bahasa Melayu (UPLBM). UPLBM adalah penting untuk menilai kemahiran bahasa mereka dengan lebih mendalam dan memastikan murid memenuhi syarat untuk melanjutkan persekolahan ke peringkat menengah.

1.1.6 Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP)

Pengajaran dan pemahaman konsep imbuhan dalam bahasa Melayu telah disesuaikan dengan perkembangan murid pada setiap tahap. Melalui panduan daripada DSKP, guru dapat merancang pembelajaran yang sesuai dan memastikan bahawa murid mencapai tahap penguasaan imbuhan yang telah ditetapkan dan digariskan dalam DSKP. DSKP telah menggariskan bahawa murid tahun 4 dan 5 seharusnya sudah memahami penggunaan asas imbuhan ini. Murid tahun 6 pula sudah menguasai sepenuhnya jenis-jenis imbuhan dalam bahasa Melayu seperti mengenali, menggunakan, dan memahami imbuhan dengan baik dalam konteks komunikasi, menulis, membaca, dan mendengar.

1.1.7 Kurikulum Standard Sekolah Rendah

Pelan jangka panjang dalam membentuk masa hadapan sistem pendidikan di Malaysia. mengesyorkan untuk menyemak semula kurikulum yang telah dijalankan dengan penambahbaikan kemahiran PAK21 iaitu murid yang berfikir kritis, murid yang kreatif dalam keterlibatan inovasi dalam mencari solusi permasalahan dan pematapan dari segi sifat kepemimpinan. Selain itu, Penerapan KSSR dalam semakan 2017 adalah untuk pembaharuan pendidikan Malaysia yang relevan dan berkualiti sesuai dengan

keperluan PAK21 berteraskan DSKP.

1.1.8 Peruntukan Waktu KSSR Subjek Bahasa Melayu

Sekolah Jenis Kebangsaan untuk tahap satu mendapat peruntukan masa setahun minimum sebanyak 160 jam, manakala Sekolah Kebangsaan sebanyak 192 jam dalam setahun. Sementara itu, PdPc selama setahun subjek BM dalam tahap dua pula sebanyak 144 jam setahun dan sekolah kebangsaan sebanyak 160 jam setahun.

Mata Pelajaran dan Peruntukan Masa Bagi Tahun 4, 5 dan 6					
BIL	MATA PELAJARAN	SK		SJK	
		MASA DALAM SEMINGGU (MINIT)	MASA MINIMUM SETAHUN (JAM)	MASA DALAM SEMINGGU (MINIT)	MASA MINIMUM SETAHUN (JAM)
MATA PELAJARAN TERAS					
1	Bahasa Malaysia	300	160	270	144
2	Bahasa Inggeris	300	160	150	80
3	Bahasa Cina	-	-	300	160
	Bahasa Tamil				
4	Matematik	180	96	180	96
5	Sains	120	64	120	64
6	Pendidikan Islam/ Pendidikan Moral	180	96	150	80
7	Pendidikan Jasmani	60	32	60	32
8	Pendidikan Kesihatan	30	16	30	16
9	Pend. Seni Visual	60	32	60	32
10	Pend. Muzik	30	16	30	16
11	Reka Bentuk & Teknologi/ Teknologi Maklumat & Komunikasi	60	32	60	32
12	Sejarah	60	32	60	32

Rajah 1.4 : Mata Pelajaran dan Peruntukan Masa Tahap 2 KSSR

1.1.9 Pentaksiran Berasaskan Sekolah dan Pentaksiran Bilik Darjah

Pada 2021, UPSR telah dimansuhkan dan ujian digantikan melalui pentaksiran berasaskan sekolah (PBS) dan pentaksiran bilik darjah (PBD). PBS merupakan satu pembelajaran yang menyeluruh dari aspek perasaan, kepentingan motivasi dalaman dan luaran sepanjang PdP dalam semua mata pelajaran. PBD dapat menilai perkembangan murid di samping meningkatkan kualiti PdPc. Di samping itu, PBD juga dapat merancang dan mengubah suai kaedah PdPc dan mengesan kelemahan murid dalam pembelajaran.

1.1.10 Definisi Motivasi

Menurut Djmarah Syaiful (2011), motivasi merupakan pemangkin dalam diri seseorang untuk melakukan sesuatu demi tercapai hasrat. Dalam aktiviti pembelajaran, motivasi sangat penting dan dapat menjadikan murid lebih bersemangat untuk belajar. Di samping itu, Abraham Maslow (1943), telah mempelopori satu teori motivasi berkonsepkan hierarki keperluan motivasi yang mempunyai lima peringkat kehendak dan keperluan manusia. Kehendak yang tinggi menjadikan manusia berkeinginan untuk mendapat sesuatu untuk memuaskan diri. Keperluan yang lebih tinggi akan mendorong manusia untuk mendapatkan kepuasan dalam diri. Lima keperluan tersebut ialah keperluan fisiologi iaitu rasa lapar, haus, rumah, tidur dan sebagainya. Keperluan kedua ialah keperluan keselamatan iaitu perlindungan daripada bahaya dan ancaman. Keperluan ketiga ialah keperluan sosial iaitu keperluan rasa kasih sayang, diterimadalam sesebuah masyarakat atau kumpulan, kasih sayang keluarga dan persahabatan. Keperluan yang keempat ialah keperluan penghargaan iaitu status, pangkat, darjat, maruah, dan dipandang tinggi manusia. Peringkat yang terakhir ialah keperluan kelengkapan diri seperti mengekspresi diri, menggunakan potensi diri dan meningkatkan status diri.



Rajah 1.5 : Hierarki Keperluan Motivasi Menurut Maslow

1.1.11 Definisi Imbuhan Apitan

Apitan merupakan unsur imbuhan yang mengelilingi kata dasar. Kedua-dua bahagian imbuhan hadir pada awal dan akhir perkataan. Apitan juga digelar sebagai imbuhan pembahagian. (Nik et al., 2015).

Imbuhan apitan meN...kan dibentuk melalui imbuhan awalan meN... dan akhiran -kan. Selain itu, akhiran meN...kan boleh menjadi me...kan, mem...kan, men...kan, meng...kan dan men...kan iaitu satu proses penambahan kata dasar mengikut huruf pertamanya.

Bentuk	Contoh
me...kan	melayakkan, mewarnakan, meyakinkan, memayungkan
mem...kan	membukukan, membuktikan, memfatwakan, mempamerkan
men...kan	mendirikan, mencucikan, menjadikan, menzahirkan
meng...kan	menggayakan, menggulingkan, mengutarakan, mengaturkan
menge...kan	mengepinkan, mengecamkan, mengesahkan, mengehadkan

Rajah 1.6 : Bentuk Imbuhan meN...kan

Imbuhan awalan meN... dan akhiran -i dalam kata dasar membentuk **imbuhan apitan meN...i**. Imbuhan ini terbentuk berdasarkan huruf pertama kata dasar. Imbuhan apitan meN...i juga terdiri daripada ‘me...i’, ‘mem...i’, ‘men...i’, dan ‘meng...i’.

Bentuk	Contoh
me...i	menuruni, menikmati, merindui, melalui
mem...i	membasahi, membungkusi, membaluti, membanjiri
men...i	mencurigai, menziarahi, menjumpai, menjatuihi
meng...i	mengirimi, mengekori, mengubati, mengakhiri

Rajah 1.7 : Bentuk Imbuhan meN...i

1.1.12 Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di Malaysia

Laporan Razak (1956) dan Laporan Rahman Talib (1960) dalam Akta pendidikan 1961, memberikan kebenaran dan kewujudan SJK(T) di Tanah Melayu. Selain itu, Laporan Rahman Talib (1960), memberikan cadangan supaya sekolah SJK(T) ditambah baik dalam prasarana dan kemudahan. SJK(T) dibaik pulih dan ditambah baik secara berperingkat sejak 1961.

Jadual 1.1 : Bilangan Murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Setiap Negeri di Malaysia 2019

Negeri/ Wilayah Persekutuan	Bilangan murid
Johor	12165
Kedah	7783
Kelantan	28
Melaka	2436
Negeri Sembilan	8754
Pahang	2641
Perak	11884
Perlis	65
Pulau Pinang	5478
Selangor	26591
Kuala Lumpur	3496

Bilangan murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil yang paling ramai di sesuatu negeri ialah Selangor iaitu 26591 orang murid. Di samping itu, Kelantan mempunyai murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil yang paling sedikit iaitu hanya seramai 28 orang murid pada 2019. Selain itu, tiada Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di Terengganu, Sabah, Sarawak, Wilayah Persekutuan Labuan dan Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Jadual 1.2 : Bilangan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan Murid Mengikut Daerah di Selangor

Daerah	Bilangan sekolah
Daerah Klang	13
Daerah Kuala Langat	13
Daerah Kuala Selangor	17
Daerah Hulu Langat	8
Daerah Hulu Selangor	12
Daerah Sabak Bernam	2
Daerah Gombak	6
Daerah Petaling	18
Daerah Sepang	8


(Sumber: Jabatan Pendidikan Negeri Selangor)

Daerah Petaling mempunyai SJK(T) yang terbanyak iaitu 18 buah sekolah diikuti dengan Daerah Kuala Selangor, 17 buah sekolah. Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di Daerah Sabak Bernam mempunyai sekolah yang paling sedikit iaitu dua buah sekolah sahaja.

1.2 Pernyataan Masalah


Murid SJK mempunyai masalah pembelajaran dan penguasaan kemahiran bahasa Melayu seperti menulis, membaca, dan komunikasi. Menurut laporan akhbar Berita Harian 2014 oleh Hassan Omar, pembelajaran dan pengajaran yang menggunakan bahasa Cina dan Tamil di SJK(C) dan SJK(T) mempunyai masalah dalam penguasaan bahasa Melayu berikutan terdapat murid di kedua-dua sekolah tersebut gagal bertutur, apatah lagi menguasai bahasa Melayu.

Selain itu, terdapat jurang yang ketara antara SK dengan SJK dalam penguasaan bahasa Melayu dalam ujian pemahaman dan ujian penulisan. Permasalahan ini ditunjukkan melalui statistik yang dikeluarkan oleh KPM dalam keputusan peperiksaan UPSR 2019.



Rajah 1.8 : Keputusan UPSR Kertas Pemahaman Bahasa Melayu 2019
(Sumber: Portal Kementerian Pendidikan Malaysia)

Peratusan cemerlang dalam kertas pemahaman murid SJK hanya 14.77% berbanding dengan murid SK iaitu sebanyak 26.91%. Hal ini menunjukkan hampir separuh jurang kecemerlangan kertas pemahaman antara murid SK dan SJK. Selain itu, terdapat 10.31% murid yang belum mencapai tahap minimum iaitu kosa kata yang terhad dan penguasaan sistem bahasa yang rendah berbanding dengan murid SK hanya 3.40% yang belum mencapai tahap minimum dalam kertas pemahaman bahasa Melayu.



**Rajah 1.9 : Keputusan UPSR Kertas Penulisan Bahasa Melayu 2019
(Sumber: Portal Kementerian Pendidikan Malaysia)**

Di samping itu, kertas penulisan pula menunjukkan murid SJK belum mencapaitahap minimum iaitu kosa kata terhad dan ayat tidak gramatis, sebanyak 12.26% berbanding 4.67% sahaja dalam kalangan murid SK yang belum mencapai tahap minimum dalam kertas ujian penulisan bahasa Melayu. Murid cemerlang kertas penulisan BM SJK juga lebih sedikit berbanding SK. SK sebanyak 29.39% murid cemerlang dan SJK 25.39% murid cemerlang walaupun aras kertas soalan peperiksaan bahasa Melayuantara SK dan SJK berbeza. Menurut Amirra dan Vijayaletchumy (2019), murid SJK(T) mempunyai permasalahan dalam asas imbuhan dan menjadikan mereka sukar untuk menguasai bahasa Melayu sepenuhnya. Pengimbuhan juga merupakan aspek yang wajib dikuasai oleh setiap murid kerana tanpa proses penerbitan, sesuatu ayat akan sukar untuk dibina (Anne dan Saidatul, 2021). Oleh itu, pengkaji telah memilih SJK(T) sebagai lokasi kajian dan aspek imbuhan sebagai fokus kajian.

Selain itu, lompang kajian pengkaji terdahulu tidak memfokuskan imbuhan apitan meN...i dan meN...kan dalam kalangan murid India juga menjurus penyelidik untuk mengkajiimbuhan apitan meN...i dan meN...kan dalam kalangan murid SJK(T). Seperti kajian yang dilakukan oleh Siti Norsyahida et al., (2015) dalam penggunaan bahasa melalui laman dalam talian pengkhususan bidang morfologi. Di samping itu, kajian penganalisan kesalahan tatabahasadalam penulisan murid SJK(C) oleh Alhaadi dan Zaitul (2018) menekankan permasalahan imbuhan secara asas dan responden yang terlibat ialah murid Cina. Selain itu, kajian dalam aspek pembelajaran bahasa Melayu murid Cina oleh Chew Fong Peng (2016) juga melibatkan responden kajian murid SJKC dan SK. Selain itu juga, Kajian imbuhan ter- yang dilakukan oleh Norhasliza dan Zeckqualine (2016) melibatkan imbuhan ter-. Hal ini memberikan ruang kepada pengkaji untuk mengisi lompang kajian melalui kajian terdahulu dengan memfokuskan imbuhan

apitan meN...i dan meN...kan dalam kalangan murid SJKT dengan lebih rinci. Selain itu, teknik PdPc yang bosan dan tidak menarik perhatian murid dalam meningkatkan motivasi mereka terutama dalam kalangan murid bukan Melayu. Guru-guru kebanyakannya menggunakan teknik pengajaran yang sama sepanjang proses PdPc. Maka, murid kurang fokus semasa proses PdPc kerana teknik pembelajaran yang tidak aktif. Menurut Zamri (2016), teknik PdPc yang menarik dapat melahirkan minat terhadap sesuatu pembelajaran dan pengajaran. Chew (2020) juga mempunyai dapatan kajian yang sama dalam kajiannya iaitu pelaksanaan PdP mempunyai hubungan signifikan antara motivasi dengan sikap guru untuk menjadikan pengajaran menarik.

Lanjutan daripada itu, satu bentuk pembelajaran abad ke-21 bahasa Melayu yang menerapkan kolabratif, kritis, kreatif dan komunikasi akan dibina oleh pengkaji untuk membantu murid bukan Melayu mempelajari bahasa Melayu dan meningkatkan motivasi murid mempelajari tatabahasa Melayu terutamanya dalam aspek imbuhan apitan meN...i dan meN...kan dengan lebih mudah dan menyeronokkan yang tiada dalam pasaran. Maklumat pembelajaran akan mudah diingat oleh murid dengan lebih lama jika proses pembelajaran berlangsung dengan seronok dan gembira (Zamri et al., 2015). Di samping itu, dalam berhadapan masyarakat abad ke-21, guru perlu peka dan mempraktikkan pengajaran pada masa hadapan dengan menggunakan literasi media baharu dan fleksibel beradaptasi dengan pelbagai perubahan dalam sistem pendidikan untuk melahirkan murid berkemahiran sosial yang tinggi, murid yang mempunyai komunikasi yang baik, dan murid berfikiran inovatif dan kritis (Andrew & Willingham, 2009; Ducan, Rogat & Yarden, 2009). Menurut Mashira et al. (2019), melalui kajian pembelajaran abad ke-21 dapat menyumbang kepada peningkatan pelaksanaan PAK21 agar semua guru celik dalam PAK21 bersesuaian dengan pendidikan masa kini.

Menurut Nurul Adzwa et al. (2020), kesilapan imbuhan akan memberikan kekeliruan makna dan mengubah sesuatu perkataan, baik dalam tulisan mahupun lisan. Hal ini menunjukkan murid SJK perlu memantapkan penguasaan imbuhan kerana imbuhan merupakan topik yang mempengaruhi kata kerja dan kata nama dalam pemahaman dan penulisan murid untuk menjawab peperiksaan. Jika terus dibiarkan, murid pasti akan terus ketinggalan dan sukar untuk menguasai bahasa Melayu dengan betul dan sukar untuk mencapai tahap cemerlang dalam Pentaksiran Berasaskan Sekolah dan Pentaksiran Bilik Darjah.

1.3 Objektif Kajian

1. Mengenal pasti kesilapan imbuhan apitan meN...i dan meN...kan yang dilakukan murid SJK(T).
